

29 FEB 1996

RAKAN MUDA CORP JANGKA TUBUH 200 RANGKAIAN FRANCAIS TAHUN DEPAN

LANGKAWI, 29 Feb (Bernama) -- Rakan Muda Corporation (RMC), anak syarikat IBEX Corporation Sdn Bhd, menjangka dapat mewujudkan 200 butik francais bagi barangan jenama Rakan Muda dan Champs di seluruh negara pada akhir tahun depan.

Pengerusi RMC, Datuk Yahya Jalil, berkata bahawa BSN Commercial Bank Bhd, pada peringkat awal, membiayai sepenuhnya modal peserta francais itu.

Katanya matlamat RMC adalah untuk menarik penyertaan remaja dalam skim francais tersebut bagi memasar dan mengedarkan barangan jenama Rakan Muda dan Champs selaku pemilik-pengusaha.

Rancangan itu diharap menjadi penggerak kepada pembangunan keusahawan dan pembangunan perniagaan secara francais di kalangan remaja, yang terbukti berdaya maju melalui format perniagaan yang lengkap, seragam dan tersusun, katanya pada majlis pelancaran barangan tersebut dan pelancaran butik "House of Champs" oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dataran Lang di sini, hari ini.

Antara barangan itu ialah kemeja-T, jaket, pakaian harian dan pejabat, topi, pakaian seragam sekolah, pakaian dan peralatan sukan, tuala, lencana, basikal dan cendera hati lain yang eksklusif.

RMC diberi hak eksklusif oleh kerajaan untuk mengeluarkan dan memasarkan barangan berjenama Rakan Muda melalui persefahaman yang telah ditandatangani dengan Kementerian Belia dan Sukan pada 30 Sept, 1995.

Yahya berkata bahawa matlamat RMC adalah untuk mendokong harapan kerajaan bagi melahirkan generasi muda yang berupaya mewujudkan satu identiti Malaysia yang tulin.

"RMC bukan syarikat gedung pakaian atau pasar raya tetapi kami bergabung tenaga mendirikan sebuah syarikat bagi tujuan menyemai minat dan kecenderungan muda mudi untuk mengambil bahagian dalam program dan kegiatan Rakan Muda," tambahnya.

Katanya RMC yakin usahanya akan mewujudkan satu identiti Rakan Muda yang tersendiri melalui pakaian atau pemakaian remaja dalam kehidupan seharian mereka.

"Kami mempunyai misi untuk mengalih minat muda mudi Malaysia daripada meniru semata-mata pemakaian budaya Barat yang tidak sesuai dengan nilai murni Timur.

"Kami mahu menyediakan pilihan pemakaian yang rekaan dan mutunya bertaraf antarabangsa tetapi unik kerana tarikan keMalaysiaannya," jelasnya. -- BERNAMA

MFJ SIA